



Untuk menyampaikan kecemerlangan dalam semua usaha melalui fokus strategik, untuk mengekalkan komitmen yang kukuh terhadap pelanggan kami.

Falsafah Kami

Cara AmInvestment

Suatu Budaya Kecemerlangan dan Profesionalisme



Keutamaan Pelanggan

Pelanggan kami adalah tujuan kewujudan kami. Kami komited kepada mereka dan kami berusaha untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada semua pelanggan kami.

Integriti

Integriti dan kejujuran adalah paling utama dalam segala yang kami lakukan apabila kami mengendalikan perniagaan. Kami akan melayani semua rakan perniagaan dan pesaing dengan penuh kesantunan dan kemuliaan.

Ketangkasan dan Daya Kreatif

Kami berusaha untuk bersikap tabah, responsif dan tangkas dalam urusan kami. Kami tidak gentar untuk menampilkan idea dan pendekatan yang baru.

Kualiti

Segala hasil keluaran kami mewakili Kumpulan AmBank. Kami tidak akan berkompromi terhadap apa yang perlu dilakukan demi menjaga reputasi Kumpulan.

Inisiatif

Kami diberi kuasa untuk bertanggungjawab ke atas segala yang kami lakukan dan berusaha lebih daripada biasa dan menggunakan pakai keputusan yang munasabah semasa dalam proses.

Visi dan Bermatlamat

Kami adalah satu pasukan yang sentiasa berjaya. Kemenangan dan matlamat kami dicapai melalui semangat utuh mengejar matlamat, bertanggungjawab dan komitmen.

Kerjasama

Kerjasama adalah punca kejayaan kami. Kami sanggup untuk berganding dengan kumpulan yang rasmi dan tidak rasmi, menghargai rakan sekerja serta bekerjasama sepenuh hati dengan mereka.

Pemikiran Terbuka

Semangat berkomunikasi secara terbuka adalah penting bagi kami. Kami memberi dan menerima kritikan secara membina. Kami sentiasa melayan satu sama lain dengan penuh hormat dan mesra.

Pencapaian Diri

Kami membimbing, mengembang dan membentuk warga kami agar dapat mencapai potensi mereka yang tertinggi. Kami akan mengolah keupayaan mereka untuk menyumbang dengan bermakna kepada AmInvestment Group.

Nilai Teras Kami

Tumpuan Strategik

- Dorongan untuk Berjaya
- Mencari Maklumat
- Kebolehan Menyesuaikan Diri

Menghasilkan Kecemerlangan

- Kepakaran Teknikal
- Kepimpinan Pasukan
- Kerja Berpasukan dan Kerjasama
- Mementingkan Aturan, Kualiti dan Ketepatan

Komitmen kepada Pelanggan

- Bertumpuan kepada Khidmat Pelanggan
- Menjalin perhubungan

Momentum yang Berkekalan

- Komitmen Organisasi/Peribadi
- Menggilap Bakat

Sejarah dan Perkembangan Korporat Terkini

Perubahan Menjadi Sebuah Bank Pelaburan

Penyenaaraian AmlInvestment Group Berhad pada 18 Mei 2005 menandakan puncak usaha Kumpulan selama beberapa tahun dalam mengorganisasikan semula operasi perbankan saudagar, pembrokeran saham dan pengurusan dananya menjadi sebuah kumpulan perbankan pelaburan dengan definisi yang jelas, dan tertumpu kepada pelanggan.

1976

- Bank memulakan operasi pada 1 April 1976 di bawah usaha sama antara pemegang saham Arab Saudi dan Malaysia:
 - Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF): 55.0%.
 - Arab Investments for Asia (Kuwait): 33.0%.
 - National Commercial Bank (Arab Saudi): 12.0%.

1980

- Bank adalah Pengurus Utama Bersama dalam menguruskan Pinjaman Bertempoh Bersindiket 12-Tahun bernilai US\$200.0 juta untuk Kerajaan Malaysia.
- Bank memulakan langkah penubuhan Malaysian Kuwaiti Investment Company Sdn Bhd, usaha sama antara Perbadanan Nasional Berhad, Kuwait Real Estate Investment Consortium dan Public Institution for Social Security.
- Bank bertindak sebagai Penasihat kepada Kuwait Real Estate Investment Consortium, Singapura.



1982

- Tan Sri Dato' Azman Hashim memperoleh pegangan saham 100.0% dalam AMDB.

1984

- Bank melancarkan Malaysian Ventures Berhad - syarikat modal usaha niaga pertama di Malaysia yang menjalankan pelaburan ekuiti swasta.
- Bank menguruskan perkhidmatan pemajakan pengumpulan pertama di dalam negara untuk TV3 - Sistem Televisyen Malaysia Berhad.
- Bank melengkapkan kajian tajaan Kerajaan untuk penwastaaan Jabatan Telekom.



1986

- Bank memperoleh syarikat pembrokeran saham Kris Securities Sdn Bhd, kini dikenali sebagai AmSecurities Sdn Bhd.
- AMMB berpindah ke ibu pejabat korporat baru di Jalan Raja Chulan.
- Pada Disember 1986, Antah Holdings Berhad dan Tokai Bank Limited, Japan masing-masing memperoleh pegangan saham 20.0% dalam Bank.



- Arab-Malaysian Unit Trusts Berhad dilancarkan, untuk menguruskan dana amanah saham.

1987

- Bank menaja penubuhan The Malaysia Fund Inc, dana pelaburan tertutup yang disenaraikan di Bursa Saham New York, untuk melabur dalam ekuiti syarikat-syarikat Malaysia yang disenaraikan di KLSE. The Malaysia Fund berjaya mengumpul dana sebanyak US\$87.0 juta, dan ini merupakan kaedah pelaburan tersusun pertama ditawarkan secara awam di Amerika Syarikat untuk pelaburan dalam ekuiti Malaysia.





1988

- Bank menjadi bank saudagar pertama yang disenaraikan di KLSE.
- Bank dilantik sebagai Penasihat kepada Kerajaan dalam merangka Pelan Induk Penswastan Nasional.
- Bank melancarkan dana amanah saham ekuiti yang pertama, Arab-Malaysian First Fund.

1989

- Pada 21 April 1989, Bank bersama-sama dengan Nikko Securities Co. Ltd Tokyo dan International Finance Corporation, Washington melancarkan dana amanah saham dalam matawang Dolar Amerika, The Malaysia Growth Fund, yang ditujukan kepada pelabur Jepun.
- Pada 28 September 1989, Arab-Malaysian Property Trust menjadi amanah harta tanah pertama disenaraikan di KLSE.

1990

- Bank dilantik sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin pengapungan Telekom Malaysia Berhad.

1991

- Pada Julai 1991, Bank memperolehi pegangan ekuiti 49.0% dalam Fraser International Pte Ltd, syarikat pemegang Fraser Securities, Singapura.
- Bank, dengan kerjasama The Nikko Securities Co. Ltd di Jepun, menaja penubuhan Malaysia Fund (Labuan), amanah saham luar pesisir pertama di Wilayah Persekutuan Labuan.

- Pengkorporatan AMMB Holdings Berhad, untuk menjalankan skim penstrukturan semula korporat. Dengan skim itu, AMMB Holdings Berhad menjadi syarikat pemegang Arab-Malaysian Banking Group, dan mengambil alih penyenaian Bank.
- Penubuhan AMMB Labuan (L) Ltd untuk menawarkan pengurusan dana luar pesisir.

1993

- Pelancaran Tabung Itikal Arab-Malaysian, dana amanah saham Islam pertama, pada 12 Januari 1993.
- Bank menjadi Pengurus Bersama pengeluaran Dragon Bonds berjumlah US\$300.0 juta oleh General Electric Corporation.
- Bank bertindak sebagai Pengurus dan Penyusun Kemudahan Kredit Bersindiket berjumlah RM240.0 juta untuk pembinaan Menara Kuala Lumpur.





1995

- Pada 1 April 1995, AMMB International (L) Ltd memulakan operasi perbankan luar pesisir di Labuan.
- AMMB Futures Sdn Bhd memulakan perniagaan pembrokeran hadapan.

1996

- Macquarie Bank Limited, Australia memperoleh pegangan saham 30.0% dalam AMMB Futures Sdn Bhd.
- Mengalihkan perniagaan pengurusan dana portfolio Bank ke dalam anak syarikat asing, AMMB Asset Management Sdn Bhd.
- Macquarie Bank Limited, Australia memperoleh pegangan saham 30.0% dalam AMMB Asset Management Sdn Bhd dan Arab-Malaysian Unit Trusts Berhad.
- Kajian Far Eastern Economic Review 1996 ke atas 200 Syarikat Utama Asia menyenaraikan Bank di tempat pertama dalam kategori “Paling Inovatif dalam Memenuhi Keperluan Pelanggan” dan tempat ketiga dari segi “Pengurusan Keseluruhan”.



1997

- AMMB Securities (HK) Limited memulakan operasi dagangan saham di Hong Kong.



2000

- CFO Asia memilih Laporan Tahunan TK2000 AMMB Holdings Berhad, antara tiga laporan tahunan terbaik di Malaysia.

2001

- AmSecurities melengkapkan perolehan South Johor Securities Sdn Bhd.
- Bank mengumpul dana RM1.0 billion dari pengeluaran perkhidmatan Nota Islam untuk Tenaga Nasional Berhad.
- AmSecurities disenaraikan oleh FinanceAsia sebagai Syarikat Ekuiti Tempatan Terbaik Malaysia.
- Bank menjadi Penasihat dalam tawaran pengambil-alihan separa Telenor Asia Pte Ltd untuk Digi.Com Berhad, tawaran pertama seumpama itu di Malaysia.



- Bank melengkapkan Sekuriti Hutang Beraset pertama – Prima Assets Berhad.
- Bank menjadi Penasihat dalam cadangan pengambil-alihan berbalik Malaysian Tobacco Company Berhad oleh Measat Global Network Systems Sdn Bhd melalui suntikan Binariang Satellite Systems Sdn Bhd berjumlah RM1,428.2 juta, langkah penyatuan dan pengambilalihan terbesar di Malaysia.

2002

- Penjenamaan semula dan pertukaran nama daripada “Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad” kepada “AmMerchant Bank Berhad” dengan warna korporat baru Kumpulan – merah terang menandakan kemakmuran manakala kuning terang adalah simbol komitmen dan perpaduan





– melambangkan identity korporat kami yang baru dan menandakan perubahan mejadi organisasi yang lebih fokus kepada pelanggan.

2003

- Bank dan Macquarie Bank Group bersama-sama melancarkan Am-Macquarie Sovereign Plus, penyenaiaan utama pertama dana terbuka di Pertukaran Kewangan Antarabangsa Labuan.
- Bank bertindak sebagai Penasihat dan Pengatur Tunggal untuk Terbitan Nota Bai' Bithaman Ajil sebanyak RM4.06 bilion untuk K.L. International Airport Berhad.



No. 1 dalam M&A

Dengan pengalaman pengurusan urus niaga rumit yang luas, kami terus menguasai pasaran Penyatuan & Pengambilalihan (M&A) yang pesat. Tingkatkan lagi taraf organisasi anda dengan AmMerchant Bank.

AmInvestment Group - Kumpulan perbankan pelaburan Malaysia yang terunggul

Sumber: *Jurnal Iqra' Perbankan & Pengambilalihan Bisnes* Malaysia - urus niaga yang lebih kompetitif dan lebih selamat. 2005
Kami sedia membantu anda mencapai kejayaan.
Hubungi 603-2074 6522 atau kunjungi amhg.com.my

- Perbankan Pelaburan
- Pembiayaan Perbendaharaan
- Pengurusan Dana
- Pembrokeran Saham & Hartanah
- Perbankan Perseorangan
- Pasaran Islam

2004

- Bank bersama menerajui pengurusan sekuriti hutang Islam berjumlah RM3.4 billion untuk Kapar Energy Ventures Sdn Bhd, pengeluaran bon terbesar di Malaysia.

2005

- AmInvestment Group disenaraikan di Bursa Malaysia pada 18 Mei 2005 – operasi perbankan pelaburan AMMB Holdings Berhad.
- Bank menjadi Penyusun Utama Bersama dan Pelanggan Utama untuk dana pembinaan Jimah Energy Ventures Sdn Bhd, Sekuriti Hutang Islam dengan kadar apungan yang pertama dan terbesar di Malaysia.

AmInvestment catat prestasi 60 sen



2006

- Pada Januari 2006, AmPrivate Equity, sebuah dana ekuiti swasta, dilancarkan.
- Pada 16 Februari 2006, AIGB dan ARA Asset Management (Malaysia) Limited (ARA) memasuki usaha sama untuk menguruskan dana pelaburan harta tanah.
- Pada 20 April 2006, Am ARA REIT Managers Sdn Bhd dikorporatkan dengan AIGB memegang 70.0% ekuiti dan ARA 30.0%, untuk menguruskan AmFIRST REIT untuk penyenaiaan di Bursa Malaysia.

